

BRONCOLIN EXPECTORANT

Guaifenesin/Salbutamol Sulphate (50mg/1mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan BRONCOLIN EXPECTORANT
2. Bagaimana BRONCOLIN EXPECTORANT berfungsi
3. Sebelum mengambil BRONCOLIN EXPECTORANT
4. Cara menggunakan BRONCOLIN EXPECTORANT
5. Semasa menggunakan BRONCOLIN EXPECTORANT
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan BRONCOLIN EXPECTORANT
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang BRONCOLIN EXPECTORANT. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil BRONCOLIN EXPECTORANT berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan BRONCOLIN EXPECTORANT

BRONCOLIN EXPECTORANT digunakan untuk melegakan kelikatan kahak, mengurangkan bronkospasma (penyempitan saluran udara dari paru-paru) dan rintangan dalam saluran pernafasan pada pesakit asma.

Bagaimana BRONCOLIN EXPECTORANT berfungsi

BRONCOLIN EXPECTORANT mengandungi *guaifenesin* dan *salbutamol sulphate* sebagai bahan aktif.

Guaifenesin berfungsi dengan mengurangkan kepekatan lendir dalam saluran udara untuk membuat ia lebih mudah dibatuk keluar dan dibuang dari saluran pernafasan. *Salbutamol* adalah bronkodilator yang berfungsi dengan mengendurkan otot licin bronkial, sekali gus melegakan bronkospasma dan mengurangkan rintangan dalam saluran udara.

Sebelum mengambil BRONCOLIN EXPECTORANT

Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil BRONCOLIN EXPECTORANT sekiranya:

- anda mempunyai alahan terhadap *guaifenesin* atau *salbutamol sulphate* atau mana-mana bahan dalam ubat ini.

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda sebelum mengambil BRONCOLIN EXPECTORANT jika anda mengandungi, merancang untuk mengandungi atau menyusui bayi.

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami mana-mana keadaan perubatan seperti yang berikut:

- kardiovaskular (penyakit jantung)
- tekanan darah tinggi
- kencing manis
- hipertiroidisme (lebih hormon tiroid)
- tirotoksikosis (kelenjar tiroid yang hiperaktif)

Jika mengambil ubat-ubat lain

Jika anda mengambil ubat penyekat beta seperti *propranolol*, beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Penggunaan serentak dengan kortikosteroid boleh menyebabkan kesan buruk *Salbutamol* bertambah teruk..

Propranolol dan penyekat beta lain menentang kesan *Salbutamol*.

Penggunaan seiring dengan aminophylline atau xanthines lain boleh meningkatkan kesan *Salbutamol*

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

Cara menggunakan BRONCOLIN EXPECTORANT

Berapa banyak harus digunakan

Dewasa:

10 hingga 20ml, 2-3 kali sehari

Kanak-kanak 2 hingga 6 tahun:

5 hingga 10ml, dua kali sehari

Kanak-kanak 7 hingga 12 tahun:
10ml, dua kali sehari

Kanak-kanak > 12 tahun:
10 hingga 20 ml, dua kali sehari

Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

Berapa lama perlu digunakan

Tempoh rawatan bergantung kepada individu. Dapatkan nasihat doktor.

Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan menggandakan dos untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Segera telefon doktor anda untuk nasihat atau pergi ke Bahagian Kemalangan dan Kecemasan di hospital terdekat, jika anda berfikir bahawa anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak BRNCOLIN EXPECTORANT. Antara simptom-simptom terlebih dos adalah seperti berikut:-

- tremor (gementar)
- takikardia (kadar degupan jantung yang cepat)
- sakit dada
- palpitasi (degupan jantung yang tidak teratur)
- agitasi
- Vasodilatasi periferi (pembangunan salur darah)
- hipokalemia (kekurangan kalium)
- asidosis laktik (penghasilan laktik asid dalam badan)
- hiperglisemia (kandungan gula tinggi dalam darah)
- masalah mental

Semasa menggunakan BRNCOLIN EXPECTORANT

Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru yang lain, ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi dan ubat-ubatan herba, beritahu doktor atau ahli farmasi anda bahawa anda sedang menggunakan BRNCOLIN EXPECTORANT.

Ambil ubat seperti yang diberitahu oleh doktor anda.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan guna BRNCOLIN EXPECTORANT untuk merawat penyakit lain, kecuali diberitahu oleh doktor anda.

Jangan ambil ubat lain jika tidak mendapat nasihat dari doktor anda.

Jangan beri BRNCOLIN EXPECTORANT kepada orang lain walaupun mereka mempunyai simptom yang sama dengan anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan alatan mesin sehingga anda tahu bagaimana ubat ini memberi kesan kepada anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, BRNCOLIN EXPECTORANT boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku:

- Ketaran halus otot rangka
- Perasaan tegang
- Vasodilasi periferi (pembangunan salur darah)
- Peningkatan kadar denyutan jantung

- Sakit kepala
- Kekejangan otot
- Reaksi hipersensitiviti
- Hiperaktif pada kanak-kanak

Jika gejala berterusan atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersebut di atas, sila berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan BRNCOLIN EXPECTORANT

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Tutup dengan rapat dan betul. Lindungi daripada cahaya terik. Jauhi daripada kanak-kanak.

Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna BRNCOLIN EXPECTORANT

BRNCOLIN EXPECTORANT adalah cecair merah lutsinar dengan perisa raspberi. Ia boleh didapati dalam 90ml botol plastik amber.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:

Guafenesin 50mg/5ml

Salbutamol Sulphate 1.2mg

(bersamaan dengan 1mg salbutamol)

Bahan-bahan tidak aktif:

Monoammonium glycyrrhizinate,
sucralose, citric acid anhydrous,
raspberry flavor, sodium benzoate,
lycopene, sodium chloride, glycerin,
sucrose, sodium citrate & purified
water.

Nombor MAL: MAL10070568A

**Pengilang dan Pemegang
Pendaftaran Produk**

Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
MALAYSIA.

Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
MALAYSIA.

Tarikh kemaskini RiMUP

25/11/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)251115/00457